



## KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

### KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam gred/kelas, kategori/tajuk/kepala, pengkhususan/tajuk kecil/sub kepala yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat Yang Memanggil Tender	Tajuk Tender	Taraf / Jenis Sykt *	Kelayakan	Tempat & Tarikh Dokumen Diperolehi	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Ditutup
Bahagian Pelaksanaan dan Perkhidmatan Kejuruteraan, KPKT	Menyiapkan Baki Kerja Projek Menaiktaraf Balai Bomba Dan Penyelamat Teluk Intan, Perak  <b>(NO TENDER: KPKT/BPJ/U B/T/5/2022)</b>	Terbuka, T1	<b>CIDB</b> Gred: G5, G6 dan G7  Kategori: B  Pengkhususan: B04  Mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan <b>(SPKK) dan Sijil BPKU/PPK</b>  Dan  <b>Memiliki Sijil Kontraktor Penyiap dari KKR</b> (Kategori B)	Hanya Petender yang berdaftar sewaktu Lawatan Tapak dan Taklimat Tender dan selesai mengemukakan bukti bayaran Dokumen akan diberi pautan untuk memuat turun Dokumen dan Lukisan Tender bermula daripada  11 Ogos 2022 (Khamis) sehingga 26 Ogos 2022 (Jumaat)	<b>RM50.00</b>  Dikehendaki mengeluarkan Wang Pos/ Wang Kiriman Pos/Bank yang dibuat atas nama  <b>Ketua Setiausaha KPKT</b>  Tidak akan dikembalikan  <b>Hendaklah dikemukakan bersama Dokumen Tender</b>	Penghantaran Dokumen Tender secara serahan <b>TANGAN</b> kepada  Unit Kontrak Dan Ukur Bahan, Bahagian Pelaksanaan dan Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 7, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya  <b>2 September 2022 (Jumaat)</b>  <b>12.00 Tengah Hari</b>
<p><b>Lawatan Tapak dan Taklimat Tender pada 9 Ogos 2022 pada 10:30 pagi adalah DIWAJIBKAN kepada petender dan sebarang persoalan mengenai Lawatan Tapak dan Taklimat Tender boleh menghubungi Pejabat Wilayah 3 KPKT, Puan Zaswinarti Binti Japarudin (03-88913956/013-886 9544) sebelum 9 Ogos 2022. Tender ini mensyaratkan bahawa hanya Penama yang tercatat di dalam Sijil PPK dan SPKK/PUKONSA/UPKJ sahaja yang dibenarkan untuk menyertai Taklimat Projek dan Lawatan Tapak . Sila bawa bersama salinan sijil (PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ) semasa lawatan tersebut.</b></p> <p style="text-align: center;"><b>Tapak projek :</b> <b>Balai Bomba Teluk Intan, Jalan Laksamana, 36000, Teluk Intan, Perak</b> <b>Koordinat : 4.0154733, 101.0314134</b></p>						

\*Jenis Syarikat Tempatan: T1 - Syarikat 100% milik tempatan

**PROJEK : MENYIAPKAN BAKI KERJA PROJEK MENAIKTARAF BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT TELUK INTAN, PERAK**

**NO.TENDER : KPKT/BPJ/UB/T/5/2022**

**Nota Penting :**

1. Hanya Petender yang hadir Lawatan Tapak dan Taklimat Tender pada 9 Ogos 2022 pada 10:30 pagi sahaja akan diberi makluman tatacara pembayaran Dokumen Tender. Pautan untuk memuat turun Dokumen dan Lukisan Tender akan diberikan kepada petender yang mengemukakan bukti pembayaran Dokumen Tender secara e-mel. Wang Pos/Wang Kiriman Pos/Bank yang dibuat perlu dikemukakan bersama-sama Dokumen Tender semasa penghantaran Dokumen Tender sewaktu Tarikh Tutup Tender.
2. Petender adalah diarahkan untuk menghantar Dokumen Tender **SECARA TANGAN SAHAJA**. Dokumen Tender hendaklah diterima tidak lewat dari atau pada pukul 12.00 tengahari pada tarikh tutup tender.
3. Dokumen Tender yang lengkap hendaklah dikemukakan dalam bentuk salinan bercetak (hardcopy).
4. Setiap petender hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) dokumen tawaran sahaja. Sekiranya didapati terdapat petender yang mengemukakan melebihi dari satu (1) tawaran, kesemua tawaran tersebut akan ditolak dan tidak akan disenaraikan di dalam Jadual Tender.
5. Petender yang berhasrat untuk menyertai tender ini hendaklah memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan. Sekiranya tidak, dokumen tawaran petender akan ditolak.
6. Petender juga perlu mengemukakan Wang Pos/ Wang Kiriman Pos/Bank yang dibuat atas nama Ketua Setiausaha KPKT bersama Dokumen Tender yang dikemukakan. Sekiranya tiada, dokumen tawaran tersebut akan ditolak dan tidak disenaraikan dalam Jadual Tender.
7. Petender juga hendaklah sentiasa peka terhadap sebarang makluman perubahan/tambahan dokumen tender sepanjang tempoh perolehan/ sehingaa tarikh tutup tender di laman sesawang KPKT.
8. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini kontraktor dikehendaki mengemukakan bukti pendaftaran dengan CIDB atau PUKONSA atau UPKJ dengan menunjukkan Perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera dengan **SIJIL PENYIAP KKR BPKU/PUKONSA/UPKJ** dan masih sah sehingga tarikh tutup Tender.

Dokumen Tender yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan nombor bilangan Tender serta tajuk tender dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Pemberitahuan/Kenyataan Tender.

Petender hendaklah menghantar Dokumen tender tersebut pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan seperti berikut:

**Ketua Penolong Pengarah Kanan**

Unit Kontrak dan Ukur Bahan  
Bahagian Pelaksanaan dan Perkhidmatan Kejuruteraan,  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan,  
Aras 7, No.51, Persiaran Perdana,  
Presint 4, 62100 Putrajaya  
(u/p: En Saharudin Bin Hilmi)